

Usah roboh rumah

Keluarga mahu jadikan warisan sejarah negara

B.H. 27/01/08 M/S 18

Abdullah Hukun



KUALA LUMPUR: Keluarga pengasas Kampung Haji Abdullah Hukum di sini meminta kerajaan tidak merobohkan rumah pembuka kampung itu untuk tujuan pembangunan sebaliknya dikekalkan sebagai rumah warisan sejarah.

Rumah yang dibina Abdullah Hukum atau nama sebenarnya Muhammad Rukun dipercayai kini sudah berusia lebih 120 tahun tetapi masih kukuh dan dalam keadaan asal tanpa sebarang pengubahsuaian.

Abdullah Hukum membina rumah berkenaan selepas beliau dilantik Sultan Selangor, Sultan Abdul Samad sebagai salah seorang Ketua Masyarakat Kuala Lumpur dengan gelaran Tuk Dagang Dianjuk dan dibenarkan membuka kawasan Sungai Putih (sekarang Jalan Bangsar).

Cucu Abdullah, Esah Hassan, 71, ketika ditemui *Berita Minggu* berkata, mereka akur dengan arahan kerajaan supaya semua penduduk Kampung Haji Abdullah Hukum berpindah ke penempatan baru tetapi meminta kerajaan mengkaji semula tindakan merobohkan rumah berse-

jarah itu.

"Kami bukannya mahukan apa-apa. Cuma minta kekalkan rumah ini dan jadikan bangunan bersejarah. Generasi muda akan datang boleh melawat ke sini dan mereka akan tahu sejarah asal tempat ini.

"Kami akur rumah kami dirobuhkan atas nama pembangunan dan kemajuan, cuma mohon simpati demi menjaga nilai sejarah negara. Mungkin bagi pemaju, rumah usang ini tiada nilai apa-apa, sedangkan ia sebenarnya tidak ternilai daripada aspek warisan negara," katanya.

Rumah sejarah itu masih mengekalkan warna asal iaitu merah hati serta mempunyai tangga batu yang dibina berdasarkan ciri rumah orang Melaka, dipercayai mengikut cita rasa isteri Abdullah Hukum, Zainab Ismail yang berasal dari Melaka.

Tinjauan *Berita Minggu* mendapati rumah itu mempunyai 18 tiang yang diletakkan atas pelapik batu batu besar mempunyai keluasan kira-kira 100 meter persegi. Kayu asal membina rumah itu dipercayai jenis cengal masih dalam keadaan elok, cuma tangga batu kelihatan merekah.

Kawasan Haji Abdullah Hukum

ini dibersihkan sepenuhnya untuk projek perumahan dan pembangunan di mana semua penduduknya termasuk penempatan setinggian sudah dipindahkan ke kawasan berhampiran termasuk Apartmen Pantai Dalam dan Apartmen Haji Abdullah Hukum.

Ketika ini, hanya ada beberapa rumah yang belum dirobuhkan iaitu rumah asal Abdullah Hukum, surau Haji Abdullah Hukum, tiga rumah ahli keluarga Esah serta sebuah rumah di hujung kampung milik Asiah Rashid, 85.

Rumah asal Abdullah Hukum semakin ditelan arus permodenan dan kini terletak kira-kira lima meter dari Apartmen Haji Abdullah Hukum, kira-kira satu kilometer dari Pusat Beli-Belah Mid Valley dan kira-kira 500 meter dari Stesen LRT Abdullah Hukum.

Esah yang berkahwin dengan Muhammad Amir iaitu sepupunya dan juga cucu Abdullah Hukum berkata, rumah itu mempunyai sebuah loteng di tingkat atas tetapi sudah dirobuhkan selepas datuknya meninggal dunia pada 1930-an, manakala bahagian lain dikekalkan.



WARISAN SEJARAH: Esah menunjukkan rumah Abdullah Hukum di Jalan Bangsar masih mengekalkan warna asal yang berusia 120 tahun.